




**JABATAN LAUT MALAYSIA
BAHAGIAN PENDAFTARAN KAPAL**

GARIS PANDUAN PENGGUNA BAGI PERMOHONAN PINDAAN MAKLUMAT PENDAFTARAN KAPAL

Disember 2020

| | |
|---|--|
|  | JABATAN LAUT MALAYSIA |
| | GARIS PANDUAN PENGGUNA BAGI PERMOHONAN PINDAAN MAKLUMAT PENDAFTARAN KAPAL |
| | TARIKH KEMASKINI : DISEMBER 2020 |

1. PENGENALAN

Perkara ini adalah merujuk kepada Bahagian IIA (Pendaftaran Kapal Malaysia – MSR) dan Bahagian IIC (Pendaftaran Kapal Antarabangsa Malaysia – MISR), Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 (OPS 1952).

2. KEPERLUAN PEMATUHAN

2.1 Permohonan pindaan maklumat pendaftaran kapal ini hanya terpakai kepada semua kapal yang berdaftar di Malaysia.

2.2 Pemohon hendaklah mengemukakan permohonan rasmi kepada Pejabat Pendaftar Kapal-Kapal asal dimana kapal tersebut telah didaftarkan untuk membuat sebarang pindaan maklumat pendaftaran kapal.

2.3 Permohonan pindaan / penukaran maklumat pendaftaran kapal hanya melibatkan :

- a. Hakmilik kapal.
- b. Butiran kapal.
- c. Pemilik kapal.
- d. Nama kapal.

3. RUJUKAN


Rujukan boleh dibuat kepada :

- i. Bahagian IIA dan Bahagian IIC, OPS 1952.

4. KAEDAH PERMOHONAN

Permohonan pindaan maklumat pendaftaran kapal ini perlu dikemukakan kepada Pejabat Pendaftar Kapal-Kapal dimana kapal tersebut telah didaftarkan iaitu :

- a. Jabatan Laut Wilayah Utara (Penang);
- b. Jabatan Laut Wilayah Tengah (Port Kelang);
- c. Jabatan Laut Wilayah Sarawak (Kuching);
- d. Jabatan Laut Wilayah Sabah (Kota Kinabalu);
- e. Jabatan Laut Wilayah Persekutuan Labuan (Labuan) – MISR.

| | |
|---|--|
|  | JABATAN LAUT MALAYSIA |
| | GARIS PANDUAN PENGGUNA BAGI PERMOHONAN PINDAAN MAKLUMAT PENDAFTARAN KAPAL |
| | TARIKH KEMASKINI : DISEMBER 2020 |

Sila layari laman web Jabatan Laut Malaysia : www.marine.gov.my

(Prosedur →Perkapalan →Pendaftaran Kapal Malaysia / Pendaftaran Kapal Antarabangsa Malaysia (Labuan) →Pelabuhan Daftar)

bagi direktori perhubungan Pejabat Pendaftar Kapal-Kapal.

5. JADUAL FI

5.1 Penukaran hakmilik kapal :

Rujuk kepada Jadual Tiga Belas, OPS 1952 di www.marine.gov.my

(Prosedur →Perkapalan →Pendaftaran Kapal Malaysia / Pendaftaran Kapal Antarabangsa Malaysia (Labuan) →Jadual Fi Kapal)

5.2 Pindaan butiran kapal dan penukaran nama kapal :

- a. Bayaran Sijil Pemeriksaan Kapal (COS) – RM 100.00.
- b. Carving & Marking Note – RM 30.00.

5.3 Penukaran butiran pemilik kapal : Tiada bayaran.

6. SENARAI BORANG

Borang permohonan boleh dimuat turun di www.marine.gov.my


(Perkhidmatan →Borang →Perkapalan → Pendaftaran Kapal Malaysia / Pendaftaran Kapal Antarabangsa Malaysia (Labuan))

6.1 Permohonan Penukaran Hakmilik Kapal

Pemohon perlu mengemukakan permohonan kepada Pejabat Pendaftar Kapal-Kapal dimana kapal itu berdaftar dan perlu disertakan bersama dokumen serta bebas dari gadaian seperti berikut :

6.1.1 Jika pemilik baru adalah individu :

- a. Asal dan salinan diakui sah – Kad Pengenalan / Passport.
- b. Asal – *Bill of Sale*.
- c. Asal – Sijil Pendaftaran Kapal.
- d. Borang Lantikan / Pembatalan Pegawai Yang Dibenar (**DK/BPK/02-2019**).
- e. Borang Deklarasi Hak Milik dan Kerakyatan (**M240/BPK/01-2019 (Rev.01)**).
- f. Borang Lantikan / Pembatalan / Pertukaran Pengurus Kapal (**DK/BPK/03-2019**).

| | |
|---|--|
|  | JABATAN LAUT MALAYSIA |
| | GARIS PANDUAN PENGGUNA BAGI PERMOHONAN PINDAAN MAKLUMAT PENDAFTARAN KAPAL |
| | TARIKH KEMASKINI : DISEMBER 2020 |

ATAU

6.1.2 Jika pemilik baru adalah badan korporat :

- a. Borang Lantikan / Pembatalan Pegawai Yang Dibenar **(DK/BPK/02-2019)**.
- b. Borang Deklarasi Hak Milik dan Kerakyatan **(M240/BPK/01-2019 (Rev.01))**.
- c. Borang Lantikan / Pembatalan / Pertukaran Pengurus Kapal **(DK/BPK/03-2019)**.
- d. Asal – *Bill of Sale*.
- e. Asal – Sijil Pendaftaran Kapal.

DAN

Jika syarikat didaftarkan di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) :
(asal dan salinan diakui sah)

- f. *Certificate of Incorporation*.
- g. *Memorandum and Article of Association*.
- h. *Return of Allotment of Share (Form 24)*.
- i. *Return of Directors, Managers and Secretaries and Changes of Particulars (Form 49)*.
- j. *Form 44 of Company Act 1965*.


ATAU

Jika syarikat didaftarkan di bawah Labuan Financial Service Authority (LOFSA) :
(asal dan salinan diakui sah)

- k. *Memorandum and Article of Association (Form 7)*.
- l. *Return of Allotment of Share (Form 13)*.
- m. *Return on Particulars and Changes of Director and Secretaries (Form 25)*.
- n. *Certificate of Incorporation of Labuan Company*.
- o. *Notice of situation or Changes of Registered Office (Form 23)*.

6.2 Permohonan Pindaan Butiran Kapal

Pemohon perlu mengemukakan permohonan kepada Pejabat Pendaftar Kapal-Kapal dimana kapal itu berdaftar dan perlu disertakan bersama dokumen seperti berikut :

| | |
|---|--|
|  | JABATAN LAUT MALAYSIA |
| | GARIS PANDUAN PENGGUNA BAGI PERMOHONAN PINDAAN MAKLUMAT PENDAFTARAN KAPAL |
| | TARIKH KEMASKINI : DISEMBER 2020 |

- a. Surat permohonan.
- b. Sijil atau notasi daripada Pemeriksa Kapal-Kapal (Organisasi Yang Diiktiraf / Kerajaan Malaysia).
- c. Asal – Sijil Pendaftaran Kapal.
- d. Borang Survey 118 – jika melibatkan penukaran kuasa kuda (kw) kapal.

6.3 Permohonan Penukaran Butiran Pemilik Kapal

Pemohon perlu mengemukakan permohonan kepada Pejabat Pendaftar Kapal-Kapal dimana kapal itu berdaftar dan perlu disertakan bersama dokumen seperti berikut :

- a. Form 13 (Penukaran Nama Syarikat) atau Form 44 (Penukaran Alamat Syarikat).
- b. Form 7 (Penukaran Nama Syarikat) atau Form 23 (Penukaran Alamat Syarikat) bagi pendaftaran kapal di bawah MISR (Labuan).
- c. Asal – Sijil Pendaftaran Kapal.

6.4 Permohonan Penukaran Nama Kapal

Pemohon perlu mengemukakan permohonan kepada Pejabat Pendaftar Kapal-Kapal dimana kapal itu berdaftar dan perlu disertakan bersama dokumen seperti berikut :

- a. Salinan Sijil Kebenaran Menggunakan Nama Kapal (SKMNK) – nama kapal baharu.
- b. *Consent Letter* dari *Mortgagee* – jika kapal masih ada gadaian.
- c. Hendaklah membuat pengiklanan penukaran nama kapal di dalam surat khabar tempatan utama (Bahasa Melayu & Bahasa Inggeris) untuk tempoh satu (1) hari dengan format yang ditetapkan dan bersaiz 10cm X 12cm.
- d. Selepas tempoh 14 hari dari tarikh pengiklanan, kemukakan semua keratan asal pengiklanan surat khabar tersebut.
- e. Sijil pemeriksaan tanda ukiran dan nama kapal.
- f. Asal – Sijil Pendaftaran Kapal.

7. PIAGAM PELANGGAN

Memproses dan mengeluarkan pindaan maklumat pada Sijil Pendaftaran Kapal dalam tempoh 3 hari bekerja selepas permohonan lengkap diterima.




JABATAN LAUT MALAYSIA

**GARIS PANDUAN PENGGUNA BAGI PERMOHONAN PINDAAN
MAKLUMAT PENDAFTARAN KAPAL**

TARIKH KEMASKINI : DISEMBER 2020

8. CARTA ALIR



Jabatan Laut Malaysia akan menyemak maklumat yang dikemukakan, walau bagaimanapun adalah menjadi tanggungjawab pemilik kapal untuk memastikan bahawa semua maklumat yang dinyatakan di dalam borang permohonan adalah tepat. Sebarang maklumat yang tidak tepat akan menyebabkan kelewatan dalam proses permohonan untuk pindaan maklumat pendaftaran kapal.